

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KEEMPAT, MESYUARAT KETIGA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN  
ABDUL AZIZ  
[ RAUB ]**

**Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ] minta PERDANA  
MENTERI minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) adakah FELDA memberi setiap peneroka RM15,000 setiap orang bagi tahun 2015 seperti yang dinyatakan oleh sorang pegawai tinggi FELDA
- (b) nyatakan berapakah jumlah hutang peneroka dan berapa ramai yang berhutang untuk membeli saham FGV.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2015 FELDA tidak memberi sebarang bayaran berjumlah RM15,000 kepada setiap peneroka. FELDA hanya pernah memberi saguhati ('Durian Runtuh') sebanyak RM15,000 kepada peneroka sempena penyenaian FGV pada akhir tahun 2012.

Seramai 94,215 orang peneroka yang masih memegang saham FGV iaitu sebanyak 75.3 juta unit saham. FELDA telah menebus jumlah saham yang dipegang oleh peneroka iaitu sebanyak 800 unit pada harga kos RM3,650 dan termasuk fi serta cas-cas perkhidmatan bank yang lain untuk setiap peneroka. Melalui penebusan ini, peneroka diberi kemudahan pinjaman tanpa faedah dengan kadar pembayaran balik serendah RM50 sahaja sebulan untuk selama 76 bulan (6 tahun dan 4 bulan). Peneroka dibenarkan membuat jualan dan berhak mendapat dividen yang diumumkan oleh FGV.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI  
BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]-  
DAP**

**SOALAN : 229**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan:-

- a) berapakah jumlah pinjaman pelajaran yang diberi oleh MARA kepada pelajar bumiputera untuk belajar di luar negara pada tahun 2015; dan
- b) adakah benar rungutan rakyat bahawa MARA tidak mempunyai wang untuk membiayai pembelajaran pelajar-pelajar bumiputera.

## **JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

- a) Untuk makluman YB, pada tahun 2015 seramai 13,667 orang pelajar (sedia ada dan baharu) menerima Pinjaman Pelajaran MARA untuk melanjutkan pengajian di **luar negara** melibatkan perbelanjaan sebanyak RM1.29 bilion.
  
- b) MARA masih lagi membiayai pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar Bumiputera yang layak bergantung kepada peruntukan dana yang diterima daripada kerajaan setiap tahun. Setakat 30 September 2016, MARA sedang dan masih menaja seramai 86,148 orang pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat Diploma, Ijazah Pertama, Sarjana, *Meister*, PhD serta Profesional di dalam dan luar negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]**

**SOALAN :**

**YB Dr. Ong Kian Ming [ Serdang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah bantahan terhadap pengundi baru di Rang Pendaftaran Pengundi Tambahan (*supplementary roll*), bantahan yang berjaya, bantahan yang ditolak mengikut setiap kawasan Parlimen dari tahun 2013 hingga sekarang.

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bantahan yang telah dibuat oleh Pembantah terhadap pendaftaran baru semasa pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan dari tahun 2013 hingga Daftar Pemilih Suku Tahun Kedua Tahun 2016 (ST 2/2016) adalah sebanyak 5,257 bantahan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,326 bantahan telah diterima dan 2,931 bantahan telah ditolak oleh SPR.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. ONG KIAN MING**

**SOALAN : NO. 231**

**DR. ONG KIAN MING [ SERDANG ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan jumlah pendapatan dan keuntungan Syarikat EMGS Sdn. Bhd. untuk setiap tahun sejak syarikat ini ditubuhkan pada tahun 2012.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikut adalah ringkasan daripada laporan Penyata Pendapatan EMGS yang telah diaudit seperti yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk tahun 2012 sehingga 2015:

<b>Tahun</b>	<b>2015 (RM)</b>	<b>2014 (RM)</b>	<b>2013 (RM)</b>	<b>2012 (RM)</b>
<b>Pendapatan</b>	72,144,073	58,121,686	34,922,319	247,837
<b>Keuntungan Bersih</b>	7,273,295	7,920,835	87,972	33,260

Sebagai sebuah Syarikat Berhad Menurut Jaminan dan dibiayai sepenuhnya melalui pendapatan yang dijana, EMGS telah berjaya untuk mengekalkan prestasi kewangan yang baik untuk membiayai operasi syarikat serta melaksanakan penambahbaikan untuk mempertingkatkan program promosi dan pemasaran antarabangsa.

Bermula dengan satu Pusat Sehenti pada tahun 2013, EMGS telah menubuhkan satu lagi Pusat Sehenti pada tahun 2015 dan EMGS telah membiayai penyertaan Institusi Pendidikan Tinggi di pameran pendidikan antarabangsa sehingga 80% daripada kos penyertaan mereka.